

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah simpanan dan pencen yang terlalu rendah bagi kakitangan awam dan swasta yang berpangkat rendah.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ada menyediakan kursus-kursus kepada bakal pesara dan pesara dengan kerjasama Kementerian dan jabatan Kerajaan lain untuk membantu dari aspek kewangan. Antara program-program yang telah diadakan adalah:

- I. Program Agropreneur Muda yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- II. *Business Opportunity Seminar* dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan; dan
- III. Program e-Rezeki dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Cooperation (MDEC).

Merujuk kepada Peraturan-peraturan Pencen 1980, pengiraan pencen kepada penjawat awam adalah berasaskan kepada tempoh perkhidmatan yang boleh diambilkira tertakluk maksimum  $\frac{3}{5}$  daripada gaji akhir.

Bagi situasi dimana pegawai dibersarakan atas sebab kesihatan, kematian dalam perkhidmatan atau penswastaan, pencen minimum yang boleh diberikan kepada pegawai adalah  $\frac{1}{5}$  daripada gaji akhir. Manakala bagi pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan yang boleh diambilkira, pegawai akan menerima pencen terendah sebanyak RM1,000.00 sekiranya pengiraan pencen adalah kurang daripada jumlah tersebut.